

## Cabar dan Strategi Pembangunan Tanaman Padi di Melaka, 1971-1995

*Challenges and Strategies of Rice Cultivation Development in Malacca, 1971-1995*

MUHAMMAD HAFIZI RAHMAT & ARBA'IYAH MOHD NOOR\*

Received: 31-1-2025 / Accepted: 23-5-2025

### ABSTRAK

Secara retrospektif, tanaman padi begitu sinonim dengan kegiatan ekonomi penduduk di negeri Melaka. Sebagai sektor tanaman kedua terpenting dalam kegiatan pertanian negeri, kerajaan bersungguh-sungguh memastikan sektor padi terus dipertingkatkan sebagai jaminan kelangsungan bekalan makanan dalam negara. Dasar Pertanian Negara (DPN) yang diperkenalkan pada tahun 1984 telah mengorientasikan sektor tanaman makanan dalam perhatian kerajaan bagi meningkatkan keluaran makanan dalam negara pada kadar 85% untuk mengurangkan bekalan import beras. Menyabut gagasan tersebut, Kerajaan Negeri Melaka mengorak langkah dengan mengenal pasti isu-isu dalam sektor penanaman padi di negeri ini walaupun pada dasarnya perusahaan padi di Melaka bukan diwartakan sebagai zon pengeluaran utama beras negara kerana keluasan kawasan yang terhad. Namun, disebabkan kelompok penduduk miskin di Melaka masih tinggi dalam kalangan penanam padi, kerajaan Melaka meneruskan rancangan-rancangan pembangunan khusus bagi sektor padi dalam memperbaiki taraf hidup mereka. Justeru, penulisan artikel ini adalah untuk merungkaikan isu-isu dihadapi pesawah padi dan melihat bagaimana tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri dapat mengubah nasib kedudukan ekonomi penanam padi di Melaka. Penyelidikan secara kualitatif ini menjalankan kajian kepustakaan dan arkib dengan merujuk sumber-sumber berwibawa yang diperoleh seperti Laporan Tahunan agensi-agensi berkaitan dan dokumen dasar pembangunan negeri. Hasil penyelidikan mendapati isu kewujudan tanah sawah terbiar dan perubahan ekologi di luar jangkaan menjadi antara faktor yang membantu perkembangan tanaman ini sekali gus menyebabkan jurang perolehan pendapatan masih rendah berbanding sektor pekerjaan lain. Kajian ke atas pesawah padi ini di Melaka membuktikan penekanan dasar kerajaan ke arah pemodenan sektor pertanian padi memberi implikasi perubahan yang positif untuk menurunkan kemiskinan.

Kata Kunci: Tanaman; Padi; Penanam Padi; Kemiskinan; Melaka

### ABSTRACT

Retrospectively, the rice crop is synonymous with the economic activities of the population in the state of Malacca. As the second most important crop sector in the state's agricultural activities, the government is keen to ensure that the rice sector continues to be improved as a guarantee of the continuity of food supply in the country. The National Agricultural Policy (DPN) introduced in 1984 has oriented the food crop sector to the government's attention to increase food output in the country at a rate of 85% to reduce the supply of rice imports. Responding to the idea, the Malacca State Government took steps to identify issues in the rice cultivation sector in the state even though basically the rice industry in Malacca is not gazetted as the country's main rice production zone due to the limited area. However, since the poor population in Malacca is still high among rice growers, the Malacca government continues with specific development plans for the rice sector in improving their living standards. Hence, the purpose of this article is to uncover the issues faced by the group of paddy farmers and see how the actions taken by the state government can change the fate of the economic position of rice growers in Malacca. This qualitative research conducted a study of the library and archives with reference to authoritative sources such as the annual reports of relevant agencies and state development policy documents. The results of the research found that the issue of the existence of abandoned paddy fields and unexpected ecological changes are among the factors that hinder the development of this crop, thus causing the income gap is still low compared to other employment sectors. This study on paddy farmers in Malacca proves that the government's policy emphasis towards the modernization of the rice farming sector has positive implications for reducing poverty.

Keywords: Crops; Rice; Rice Growers; Poverty; Malacca

## PENGENALAN

Orientasi sektor pertanian negara ini umumnya terbahagi kepada dua entiti aktiviti tanaman iaitu berasaskan tanaman makanan dan tanaman industri. Kedua-dua dilihat penting bagi memenuhi keperluan pertumbuhan ekonomi bahkan kesejahteraan hidup masyarakat yang telah terlibat dengan pertanian sejak sekian lama (Norazilawati Abd Wahab et.al, 2022). Kemunculan jenis-jenis kegiatan pertanian tersebut mempunyai hubungan sejarah yang panjang semasa era kolonial apabila amalan dwi-ekonomi yang berhasil daripada ekonomi sara diri kepada entiti ekonomi komersial berkembang pesat di Tanah Melayu pada lewat abad ke-19 (Mohammed Halib 2004, 189). Selepas kemerdekaan, peralihan kepada tanaman industri yang diteruskan daripada dasar kolonial tersebut mewujudkan pelbagai latar isu yang mewarnai pembangunan ekonomi tempatan dan global sekali gus meninggalkan implikasi terhadap kelangsungan taraf hidup masyarakat khususnya dalam memperkatakan isu kemiskinan dan keterjaminan makanan. Bagi sektor tanaman padi, masalah berhubung kelangsungan sumber makanan merupakan perkara asas yang dilihat kritikal oleh kerajaan bagi tempoh dekad 1960-an hingga 1990-an akibat kenaikan kos harga import barang makanan dan stok simpanan bekalan yang rendah untuk menampung keperluan penduduk yang terus meningkat (Bakri Mat et.al, 2013, 32). Disebabkan itu, pengeluaran beras sering menghadapi pasang surut yang tidak stabil sehingga menggesa kerajaan memperkenal dasar pengeluaran beras sebagai medium kawalan mempertingkatkan tahap keluaran bekalan beras daripada meruncing. Bahkan, masalah ini kian parah akibat tekanan persaingan antara sektor-sektor ekonomi lain apabila keluasan kawasan tanaman padi berkurang. Sektor perindustrian dan perkhidmatan pula terus menjadi tumpuan dasar pembangunan ekonomi negara untuk keluar daripada kebergantungan kepada pertanian (Zakrul Akmal et.al, 2015, 33). Pembukaan berhektar-hektar tanah dengan mengutamakan tanaman getah dan kelapa sawit mengundang sektor tanaman makanan kian diabaikan. Natijah daripada senario tersebut, perkembangan ini telah menambah ramai isi rumah miskin dalam kalangan pesawah padi. Pengeluaran hasil beras mengalami tidak stabil sehingga memaksa reformasi terhadap struktur tanaman padi dilakukan dengan menyeluruh untuk mengimbangi antara tuntutan perkembangan ekonomi dan kesejahteraan hidup rakyat dalam kalangan kelompok ini. Hal ini terbukti dengan beberapa dasar berkaitan padi yang telah diperkenalkan sejak tahun 1950-an iaitu Dasar Padi dan Beras Negara sehinggalah pengenalan Dasar Pertanian Negara Pertama pada tahun 1984 mencerminkan hasrat kerajaan itu diterjemahkan dengan penggubalan dasar-dasar berkaitan penanaman padi di negara ini. (Norfazreen et.al, 2011, 52).

Justeru, usaha mempertingkatkan ketersediaan bekalan beras dalam negara merupakan langkah ke hadapan yang diambil pihak kerajaan untuk mengelakkan negara terperangkap daripada krisis makanan, tetapi rancangan tersebut hanya berpusatkan di kawasan-kawasan utama tanaman padi negara yang telah diwartakan kerajaan sahaja. Keutamaan ini didasari oleh faktor saiz keluasan kawasan dan juga bilangan tenaga buruh yang masih kekal ramai berkecimpung dengan tanaman padi di lokasi kawasan tanaman padi utama negara berbanding lokasi kawasan bukan jelapang padi seperti Melaka. Untuk mencapai matlamat tersebut, kerajaan telah menyalurkan peruntukan yang tinggi untuk membiayai projek-projek infrastruktur pengairan dan saliran bagi menampung sistem pengurusan bekalan air yang mencukupi bagi kawasan-kawasan tersebut. Sementara itu, kawasan-kawasan yang tidak termasuk dalam projek keutamaan kerajaan persekutuan ini, sebahagian projek pembangunan tanaman padi masih lagi berjalan namun skim pengairan yang diusahakan sekadar menambah baik kemudahan sistem pengairan sedia ada dan penggunaan baja dan varieti padi baru pada dekad 1960-an hingga 1970-an.

Melihat perspektif mikro negeri Melaka, keutamaan dasar kerajaan negeri begitu jelas terhadap pembangunan tanaman padi untuk memperbaiki taraf hidup golongan pesawah yang masih keciciran dalam hal kemiskinan (Unit Perancang Ekonomi Melaka 1980, 2). Oleh sebab tanaman ini bukanlah asing bagi penduduk setempat, kerajaan negeri masih beranggapan wajar untuk tanaman padi diperkasakan bagi memastikan sebahagian besar kegiatan ekonomi komuniti Melayu yang menetap di luar bandar mempunyai keterjaminan perolehan pendapatan untuk mengelakkan penghijrahan penduduk secara mendadak (Unit Perancang dan Penyelaras 1984, 4). Masalah penghijrahan penduduk luar bandar terutama dalam kalangan golongan muda membuka ruang seluas-luasnya tanaman padi berhadapan dengan ancaman kekurangan tenaga kerja berikutan ketiadaan minat mendalam golongan ini terhadap aktiviti pertanian. Persepsi sedemikian secara langsung mendorong banyak kawasan sawah terbiar semakin meluas di Melaka sehingga mencecah 30% pada awal dekad 1980-an (KPM Khidmat Sdn. Bhd. Management Consultants, 1981, 5).

Dalam perkembangan lain, strategi ke arah mewujudkan jaminan keselamatan makanan negara telah membawa kepada penumpuan pembangunan komoditi padi di lokasi-lokasi jelapang padi utama negara seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Barat Laut Selangor, Kerian-Sungai Manik, Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Pulau Pinang, Kemasin-Semerak, Seberang Perak, Kawasan Pembangunan Pertanian Terengganu Utara (KETARA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) sedikit sebanyak mempengaruhi kemajuan tanaman padi di negeri-negeri yang bukan tergolong sebagai zon pengeluaran padi negara. Keadaan ini jelas apabila banyak penyediaan projek infrastruktur lebih terhalang ke kawasan-kawasan tersebut dalam memastikan produktiviti pengeluaran beras terus bertambah secara konsisten sehingga mencapai tahap mampu diri (*self-sufficiency level*) antara 55% sehingga 60% (Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Rakyat, 13 Mac 1990, 2090) Pada pertengahan tahun 1990, kadar pengeluaran beras telah ditingkatkan oleh kerajaan untuk mencapai tahap kepada 65% apabila bantuan kenaikan subsidi padi ditambah sebanyak 50% dalam usaha kerajaan memulihkan tanah-tanah sawah terbiar melalui galakan penanam padi meneruskan tanaman tersebut (Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Rakyat, 19 Disember 1991, 16941). Sebaliknya bagi kawasan-kawasan bukan jelapang padi negara, pembangunan projek-projek infrastruktur kecil diperhatikan adalah sekadar memadai untuk mengatasi masalah pengeluaran hasil padi di kawasan-kawasan sedia ada yang sering mendapat rungutan pesawah. Kebanyakan kegiatan penanaman padi di Melaka yang diusahakan melibatkan keluasan penanaman yang kecil. Ini kerana terdapat persaingan guna tanah yang tinggi antara beberapa tanaman lain serta transformasi pembangunan Melaka yang semakin cenderung ke arah modenisasi terutama dalam pembangunan perindustrian dan pelancongan seawal dekad 1970-an (Minconsult Sdn. Bhd. 1995, 17).

## SOROTAN KAJIAN LITERATUR

Penyelidikan berhubung perkembangan sektor tanaman padi di Malaysia ataupun di negeri-negeri di Malaysia boleh dikatakan banyak disentuh oleh para penyelidik sehingga kini. Oleh sebab itu, tidaklah dianggap aneh dapatan kajian sedia ada secara naratif memfokuskan usaha-usaha kerajaan membangunkan sektor pengeluaran makanan ini. Beras sebagai makanan ruji utama penduduk di negara Malaysia memainkan peranan penting dalam meningkatkan kelangsungan pengeluaran sumber beras untuk mencapai tahap mampu diri (*self-sufficiency level - SSL*) pada kadar antara 55% hingga 60%. Justeru, dengan berlatarbelakangkan kepada senario perkembangan sektor padi ini,

pelbagai sudut kajian dilakukan untuk melihat mengenai perkembangan tanaman padi di negara ini. Beberapa penulisan awal dikenal pasti cenderung tertumpu di kawasan-kawasan jelapang padi negara yang diwartakan kerajaan sering mendapat liputan dalam penulisan akademik. Hal ini menyebabkan perkembangan penanaman padi di lokasi yang bukan jelapang padi negara boleh disifatkan tenggelam dalam meneliti arus perkembangannya.

Antara tulisan yang menyingskap perkembangan padi secara umum di Malaysia telah disentuh oleh Muhammad Halib (2004). Tulisan ini memperihalkan aspek yang menjurus kepada peranan pemerintah sendiri dalam memajukan sektor tanaman padi di negara ini yang secara tegas mencerminkan komitmen kerajaan dalam memperbaiki taraf hidup kelompok penanam padi daripada kemiskinan terutama selepas kemerdekaan. Tulisan ini amat signifikan untuk menelusuri hala tuju sektor padi setelah pucuk pemerintahan di Malaysia bertukar kuasa daripada kolonial British kepada pemerintah tempatan dalam mencorakkan dasar berkaitan padi ekoran kemiskinan yang tinggi di luar bandar dan komitmen kerajaan untuk tingkatkan pengeluaran bekalan beras dalam memenuhi tahap mampu diri.

Bahkan, kajian serupa ditegaskan dalam penulisan Noorfazreen Mohd Aris et.al., (2018) yang memperincikan lagi mengenai usaha-usaha kerajaan untuk memajukan sektor tanaman padi negara dengan memfokuskan pengenalan dasar pertanian yang diperkenalkan kerajaan. Pengenalan dasar pertanian negara merupakan satu isyarat terhadap pentingnya tumpuan kerajaan dalam mengambil cakna mengenai isu keselamatan makanan terutama sejak bertahun-tahun berlaku kemerosotan pengeluaran pertanian negara. Sungguhpun, tidak dinyatakan dengan jelas berkenaan dasar terperinci penanaman padi dalam Dasar Pertanian Negara, tumpuan terhadap tanaman ini masih lagi menjadi keutamaan kerajaan apabila sektor tanaman padi dilihat dari sudut sasaran untuk tingkatkan kuota tahap pengeluaran apabila memperkatakan soal keterjaminan makanan utama bagi rakyat Malaysia. Kajian ini telah mengetengahkan beberapa strategi diambil kerajaan dalam memperkasa tanaman padi seperti pemberian subsidi input dan harga padi, penggunaan benih bermutu tinggi, galakan tanaman berkelompok dan lain-lain. Namun, kajian tentang penanaman padi di Melaka tidak diberi perincian.

Kajian yang dilakukan oleh R.B Radin Firdaus et.al., (2014) telah menelusuri bagaimana kelangsungan pengeluaran sektor padi negara dapat ditangani bagi mengelakkan timbul masalah kekurangan tenaga sawah apabila berlaku perubahan iklim. Artikel ini menegaskan impak perubahan iklim mampu mempengaruhi dan mengancam produktiviti keluaran hasil padi jika tiada langkah-langkah jangka pendek dibuat pihak kerajaan. Antara usaha kerajaan tersebut termasuk memperkenalkan skim subsidi harga padi sebagai pendekatan untuk meneruskan penghidupan terjamin apabila tiba berlaku perubahan musim dengan meningkatkan bantuan kepada 50% daripada harga padi. Walau bagaimanapun, kebergantungan secara berterusan kepada subsidi kerajaan perlu diminima pada masa jangka panjang dengan menukar mekanisme bantuan kepada penyiasaran terhadap capaian hasil produktiviti dan bukan berdasarkan pemilikan keluasan tanah semata-mata. Tambahan pula, kajian Nor Asmat & Zulkifli (2019) turut melihat perbelanjaan kerajaan menerusi skim subsidi harga padi yang dilancarkan pihak kerajaan pada tahun 1990 dan skim subsidi baja sejak tahun 1970 membolehkan petani dapat membebaskan diri daripada kelompok kemiskinan dengan kos pengeluaran ke atas padi dapat dikurangkan bebananya kepada petani selama ini yang terpaksa menanggung jumlah yang tinggi di kawasan Pengairan Muda.

Penulisan Veronica (2023) juga memfokuskan tentang strategi kerajaan untuk meningkatkan hasil padi dalam konteks menangani isu sekuriti makanan dalam negara. Kemunculan agensi pertanian seperti MADA, MARDI, LPN dan Jabatan Pertanian Negeri Kedah memainkan peranan yang besar untuk mempertingkatkan taraf ekonomi penanam padi supaya

dapat keluar daripada kepompong kemiskinan. Walaupun setiap agensi mempunyai tugas berlainan dalam menyokong pertumbuhan sektor padi, pelaksanaan dan objektif pembangunan agensi ini terarah untuk memajukan sektor tanaman padi ini. Hasil kajian ini mengetengahkan peranan setiap agensi pembangunan pertanian amat diperlukan dalam menggerakkan aspirasi kerajaan untuk mempertingkatkan hasil bekalan makanan ruji utama negara bagi keperluan penduduk. Tanpa terjalin kerjasama bersepadu antara agensi, sukar untuk memastikan matlamat membasmi kemiskinan dan mencapai tahap mampu diri tercapai.

Bakri Mat et.al. (2013) pula melihat sudut cabaran-cabaran dihadapi negara untuk melaksanakan dasar keselamatan makanan dalam usaha mengatasi masalah kekurangan beras. Kajian ini telah mendapati masalah yang timbul terhadap isu keselamatan makanan yang dikenal pasti berpunca daripada ketiadaan dasar yang menyeluruh dan konkret daripada kerajaan. Natijahnya, berlaku ketidakseimbangan dalam dasar pertanian yang memperlihatkan sektor tanaman makanan tidak dilakukan secara konsisten. Negara terus terpaksa berdepan dengan kebergantungan import bekalan dari luar bagi menampung keperluan bekalan dalam negara sejak tahun 1980-an. Nor Malina & Mohd Zulkifli (2024) berpandangan salah satu masalah kelemahan dasar sekuriti makanan mempunyai perkaitan dengan kewujudan tanah sawah terbiar yang semakin meningkat. Kajian beliau secara spesifik melihat situasi ini berlaku di Kedah telah mengenal pasti beberapa punca seperti aspek faktor merangkumi isu pemilikan, kekurangan infrastruktur asas, ketiadaan peruntukan dana, kesesuaian jenis tanaman dan faktor komersial. Kesemua masalah tersebut memerlukan tindakan bersepadu bagi membangunkan semula tanah pertanian terbiar dengan lebih berkesan supaya dapat memberi pulangan kepada pemilik tanah bagi meningkatkan taraf sosioekonomi mereka.

Rozaini & Ahmad Kamal (2015) melihat aspek perkembangan tanaman padi secara khusus di negeri Kedah dari sudut sosioekonomi mengenai penglibatan pengilang Cina dalam pengeluaran beras. Sungguhpun diperakui bahawa penanaman padi didominasi oleh orang Melayu sebelum kedatangan British. Namun, kesan kehadiran orang Cina ke Kedah mendorong mereka terlibat dengan penanaman padi. Hal ini telah mewujudkan persaingan antara orang Melayu dengan orang Cina dalam sektor penanaman padi apabila kemasukan para pemodal Cina secara berperingkat menggalakkan hasil keluaran padi kian bertambah dan memperoleh keuntungan besar dengan cepat. Penglibatan orang Cina telah membawa peralihan dominasi pengeluaran beras di Kedah semakin menghakis pengaruh golongan pembesar sejak penjajahan British di negeri tersebut. Penanam padi Melayu semakin tertindas sejak muncul pengilang Cina dan menjadikan ramai penanam padi Melayu terhimpit dengan kemiskinan.

Melihat kepada kajian sedia ada, jelaslah bahawa masih terdapat kelompongan yang boleh diangkat dalam penulisan berkaitan pembangunan sektor tanaman padi di negara ini dengan meneliti perkembangan di setiap negeri seperti Melaka terutama dalam merungkaikan masalah dan strategi pembangunan pertanian yang dijalankan ke atas tanaman padi oleh kerajaan di negeri ini.

## METODOLOGI DAN SUMBER KAJIAN

Penyelidikan tentang pembangunan penanaman padi di Melaka ini menggunakan kaedah kajian sejarah bagi memahami dan mendalami aspek yang dibincangkan. Sehubungan itu, kaedah kualitatif merupakan pendekatan yang tepat dalam mengupas perkara yang diketengahkan menerusi artikel ini kerana maklumat dan fakta sejarah yang diperoleh ini dapat dianalisis dengan terperinci untuk mendapatkan jawapan yang tersirat daripada persoalan yang timbul. Bagi

memastikan kajian menyeluruh dapat dilakukan, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis sumber-sumber primer yang relevan hasil perolehan dari Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia Cawangan Melaka, Parlimen Malaysia dan Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka. Maklumat yang diperoleh daripada sumber bertulis daripada agensi-agensi tersebut banyak memaparkan mengenai realiti sebenar keadaan pembangunan penanaman padi di Melaka seperti dokumen rasmi kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri Melaka seperti dasar pertanian negara, dasar pertanian negeri Melaka, laporan tahunan jabatan pertanian negeri, agensi pertanian kerajaan negeri, pernyata rasmi parlimen, dewan undangan negeri, dan akhbar rasmi terbitan kerajaan negeri. Kajian juga diperkuatkan lagi dengan merujuk sumber-sumber sekunder untuk membantu dapatan kajian ini lebih holistik seperti artikel jurnal dan tesis.

## ISU-ISU PEMBANGUNAN TANAMAN PADI DI MELAKA

### KEWUJUDAN TANAH-TANAH SAWAH TERBIAR

Sejak dekad 1970-an sehingga penghujung dekad 1990-an memperlihatkan isu-isu kemiskinan dan ketaksamaan taraf hidup penanam padi saling berkait dengan masalah yang berlanjutan daripada aspek pengajaran dan pemilikan sumber tanah. Terdapat dua perkara berbangkit tentang masalah tanah yang berlaku di Melaka iaitu pemilikan nama ke atas hak tanah yang ramai dan kelemahan sistem sewaan tanah (Minconsult Sdn. Bhd. 1984, 70-71). Timbul kedua-dua masalah tersebut apabila masyarakat semakin sedar mengenai kepentingan aset tanah kerana mempunyai nilai harga yang tinggi dari sudut ekonomi dan sosial. Sebahagian masyarakat memperakui bahawa kepercayaan dan keyakinan sumber tanah berperanan besar dalam melengkapkan keperluan-keperluan asasi manusia (Mohd Hasrul 2015: 36). Dalam hal ini, persepsi yang timbul dalam masyarakat mengenai kedudukan tanah sebagai lambang penguasaan status sosial akhirnya mewujudkan kumpulan masyarakat kelas menengah. Kumpulan ini lazimnya bercita-cita untuk memiliki tanah dalam mencapai dan memenuhi hasrat tersendiri terutama untuk dijadikan sebagai aset tetap yang boleh mendatangkan nilai komersial yang tinggi kepada mana-mana pemilik pada masa hadapan (Nor Malina & Mohd Zulkifli 2024: 2). Oleh sebab itu, maka Pihak Berkuasa Negeri sebagai pemegang amanah diberi kuasa oleh undang-undang melalui Kanun Tanah Negara untuk memberikan pemilikan tanah kepada sesiapa pun dengan tujuan untuk memastikan sumber tanah tersebut dimajukan mengikut kategori penggunaan tanah yang termaktub dalam dokumen hakmilik yang ditetapkan (Norhidayah et.al. 2022:73). Walau bagaimanapun, keadaan sebaliknya berlaku dengan sikap ego sesetengah pemilik bersifat kapitalistik mementingkan keuntungan dan faedah untuk persendirian semata-mata mengakibatkan wujud tanah-tanah terbiar di mana-mana kawasan sama ada di bandar maupun luar bandar khususnya tanah-tanah sawah. Ini kerana segelintir pemilik tanah tetap berpendirian bahawa aset tanah yang dimiliki kadang-kadang tidak perlu dimanfaatkan dengan sebarang kegiatan namun masih kekal membayar cukai tanah seperti biasa untuk kelangsungan pegangan (Mohd Sabree 2018: 122).

Salah satu ciri terpenting kemajuan pembangunan pertanian ditentukan oleh keluasan bidang kawasan tanah. Secara teori, sesebuah kawasan yang luas akan dapat membolehkan pelbagai dan banyak tanaman diusahakan pada kadar yang optimum supaya penghasilan keluaran yang dituai memberi pulangan pendapatan lumayan kepada pesawah. Namun demikian, keinginan segelintir pesawah padi untuk memperoleh sumber pendapatan melalui penanaman padi secara khusus telah terhalang apabila ketidaaan tanah untuk dikerjakan secara bersendirian sehingga telah

menyekat hasrat tersebut. Menurut Malacca Integrated Agricultural Development Socio-Economic Report (1981: 12), kekangan ini mendorong terdapat pesawah padi terpaksa bergantung kepada ihsan daripada tuan-tuan tanah untuk membenarkan tanah milik mereka dikerjakan kepada pesawah berkenaan. Jika persetujuan antara pesawah dengan pemilik tanah tercapai, maka ini membolehkan bidang keluasan tanah tersebut dimanfaatkan. Walaupun begitu, kesan kaedah ini sudah pasti membawa timbal balik yang diharapkan oleh pemilik tanah untuk mendapatkan sebahagian manfaat daripada hasil tuaian ke atas tanah tersebut sama ada dalam bentuk bayaran sewaan tanah atau hasil tanaman. Scenario ini membentuk satu ekosistem kebergantungan di mana peranan tuan-tuan tanah menjadi sangat penting bagi para pesawah demi kelangsungan hidup secara berterusan.

Permasalahan utama dalam kalangan pesawah padi ialah ketiadaan tanah disebabkan hak pemilikan tanah yang ramai ke atas bidang tanah yang dimiliki dengan melibatkan pemilik asal terutama membabitkan tanah adat dan tanah pertanian. Ini kerana pemilik asal mendaftarkan kemasukan nama waris berdasarkan syer mengikut persetujuan bersama untuk menjamin tanah itu berada dalam hak pegangan lingkungan keturunannya walaupun pemilik asal telah meninggal dunia (Jaiya & Aminah 2022: 29). Secara kebiasaan, perkongsian pemilikan ke atas tanah tersebut terbentuk daripada sistem pusaka yang secara tradisi dibuat secara wasiat mahupun fara'id dalam kalangan orang Melayu beragama islam. Hal ini menjadikan tanah-tanah ini kekal bertindih sehingga pemilik asal yang meninggal dunia tidak berkesempatan menyelesaikan pemilikan nama-nama tersebut sehingga terbku tanpa kesudahan yang nyata (Mohd Khairy & Azwan 2016: 11). Bahkan amalan tersebut semakin meluas dengan kuasa yang tertulis di dalam Perkara Seksyen 342 (1) Akta Kanun Tanah Negara 1965 memberikan kelonggaran kepada pemilikan tanah tanpa mengehadkan bilangan penama secara sah ke atas status sebidang tanah yang tidak melebihi seekar. Keadaan ini mengakibatkan kesukaran kepada sesebuah tanah sawah itu dibangunkan untuk pertanian padi kerana pemilikan bertindih (*multiple land ownership*) tidak berjaya diatasi secara undang-undang. Kelemahan sistem pemilikan tanah yang ramai akibat pertindihan nama daripada kerabat pemilik asal meninggalkan impak terhadap kemerosotan nilai harta tanah sekali gus pada masanya mencetuskan konflik hubungan kekeluargaan antara setiap pemilik tanah (Mohamed Khairi & Mazlan 2018: 92).

Pemilikan tanah yang ramai mempunyai hubungan dengan kefahaman dan pemikiran masyarakat Melayu yang melihat kepentingan tanah sebagai satu komponen penting untuk jaminan hidup masa pada hadapan terutama ketika berada dalam situasi kesempitan hidup (Haniza 2014: 15). Hal ini menyebabkan secara tradisi sesuatu penggunaan tanah hanya terhad kepada tujuan bagi mendirikan kediaman dan menjalankan pertanian sara diri sahaja sehingga tidak perlu digunakan sumber tanah itu untuk memperoleh pulangan hasil yang berlipat ganda. Perspektif pemikiran terhadap had guna tanah yang sempit ini menghasilkan tanah-tanah sedia ada menjadi plot-plot kecil setelah pekongsi melakukan pemecahan bahagian tanah daripada saiz keluasan asal (Mohamed Khairi & Mazlan 2018: 96). Kesannya, tanah-tanah tersebut tidak dapat diusahakan dengan kegiatan ekonomi yang boleh dinikmati oleh pemilik malahan merugikan kepada sumber pendapatan hasil cukai kerajaan negeri.

Rentetan daripada isu ketiadaan tanah untuk pertanian yang dihadapi pesawah menimbulkan suatu masalah dari segi pengurusan pengkerjaan tanah. Sistem sewaan tanah yang sudah lama wujud turut menyumbang kepada masalah kelembapan pembangunan penanaman padi dan kemajuan sosioekonomi pesawah padi di Melaka. Persetujuan yang membentuk hubungan timbal balik antara pemilik dengan penyewa semestinya terikat dengan beberapa perkara yang wajar dipenuhi antara dua pihak. Perkara-perkara berkaitan syarat ini biasanya didokumenkan

dalam bentuk syarat perjanjian yang termeterai antara pemilik tanah dengan penyewa tanah (Anesh 2022: 146). Terma perjanjian ini menjadi satu kerahsiaan yang tidak boleh dilanggar dan dihormati antara pihak terlibat. Terma-terma dan syarat pengeraian tanah yang dikenakan ke atas penyewa selalunya memihak kepada kepentingan pemilik tanah dan penyewa harus memenuhi keinginan pemilik tanah berkenaan. Walaupun demikian, ada syarat yang dipersetujui itu bersifat berat sebelah dan dilihat membebankan kerana para penyewa perlu akur dan menurut segala ketetapan syarat pihak tuan tanah dengan alasan untuk melindungi kepentingannya seperti penetapan tempoh pembayaran sewa mestilah mengikut tarikh yang ditetapkan pihak tuan tanah pada suatu tempoh tertentu.

Bukan itu sahaja, segelintir penyewa tanah yang telah dibenarkan melakukan aktiviti tanaman ke atas tanah-tanah disewa harus menguruskan tanah berkenaan bermula pada peringkat pembersihan sehingga selesai hasil tanaman dituai (Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat 1979: 4620). Kesemua proses kerja ini melibatkan kos perbelanjaan yang tinggi dan segala keperluan barang dan peralatan pertanian tersebut adalah menjadi tanggungjawab pihak penyewa. Amalan penyewaan tanah ini telah pun cuba ditangani pihak kerajaan setelah memperkenalkan Akta Penanam Padi 1967 bagi menyelamatkan penyewa tanah padi daripada ditindas oleh pemilik tanah. Namun, akta ini masih lagi tidak mampu menyelesaikan permasalahan yang dialami penyewa. Ini kerana kandungan Akta Penanam Padi 1967 masih terdapat kelemahan dan berlaku manipulasi oleh pihak pemilik tanah demi mahu mengejar keuntungan berbanding menjaga soal kebijakan penyewa (Anesh 2022: 155). Kelemahan ini lama-kelamaan membawa perasaan tidak puas hati pihak penyewa dan akhirnya tanah yang diusahakan selama ini kembali ditinggalkan tanpa sebarang alternatif yang dilakukan oleh pemilik tanah untuk langkah jangka masa panjang.

## PERUBAHAN EKOLOGI CUACA DI LUAR JANGKA

Kegiatan penanaman padi di Melaka sering tergendala akibat daripada perubahan ekologi di luar jangkaan secara berterusan. Perubahan iklim global sangat mempengaruhi terhadap jumlah keluaran hasil padi dalam satu-satu musim yang bermula sejak kekurangan bekalan air pada musim panas sehingga kelebihan air kian mencukupi apabila tiba musim hujan. Perkembangan musim yang tidak menentu menjadikan sistem penjadualan tanaman sering berubah-ubah sehingga memberi kesan kepada peningkatan serangan penyakit perosak tanaman (Muhammad Yasar et.al 2016:40). Isu ini bukanlah perkara baharu kerana usaha-usaha untuk menangani keadaan tersebut masih terus diberi perhatian oleh kerajaan negeri Melaka dengan memperbanyakkan kemudahan asas pertanian seperti infrastruktur pengairan serta peningkatan kecekapan khidmat sokongan pengembangan. Namun begitu, tindakan ini sentiasa berhadapan dengan cabaran persekitaran yang tidak kondusif bagi menggalakkan peningkatan produktiviti padi.

Laporan Sosioekonomi Masalah Tanah Sawah Terbiar Negeri Melaka pada tahun 1981 mendapati sebanyak 55.2% golongan pesawah enggan meneruskan penanaman padi disebabkan masalah pengurusan bekalan air yang tidak mencukupi bagi menampung keluasan tanaman menjadi ekoran masalah kekurangan air ke sawah (Malacca Integrated Agricultural Development Socio-Economic Report 1981:11). Bahkan, kebanyakan aktiviti penanaman padi sekurang-kurangnya sekali setahun turut terbantut apabila sebanyak 62.7% pesawah tidak meneruskan kegiatan bercucuk tanam walaupun ianya diusahakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Tambahan pula, laporan tersebut menyatakan lebih 73.8% pemilik sawah terbiar mahu menyambung semula penanaman padi secara dua kali setahun sekiranya pihak kerajaan berjaya menangani bekalan kekurangan air. Dapatkan laporan ini menunjukkan kemunculan sektor padi

terus berlaku lebih-lebih lagi pelaksanaan infrastruktur projek pengairan hanya dijalankan berskala kecil sahaja. Memandangkan Melaka bukan merupakan kawasan jelapang padi negara, maka tanaman tersebut tidak menjadi keutamaan dalam pemerhatian kerajaan Persekutuan. Situasi ini menyebabkan kerajaan negeri bertindak lebih agresif untuk memastikan sektor ini tidak terjejas dan kekal relevan sebagai langkah menjayakan misi Dasar Ekonomi Baru dan Pelan Induk Negeri Melaka.

Di Melaka, perubahan ekologi cuaca berkait rapat dengan kegiatan pembangunan ekonomi yang pesat pada akhir dekad 1950-an hingga awal 1980-an. Ini terjadi dengan perubahan corak guna tanah semakin kritikal untuk penanaman tanaman komersial seperti getah dan kelapa sawit secara besar-besaran. Pembukaan kawasan petempatan dan penanaman getah dan kelapa sawit kelolaan agensi-agensi pertanian pusat seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) di daerah Alor Gajah (Muhammad Hafizi & Arba'iyah 2024:109) meningkatkan lagi pembersihan kawasan hutan untuk memperluaskan kawasan tanaman komoditi tersebut sekali gus mengecilkan kawasan tадahan hujan sedia ada dengan penebangan hutan terus berleluasa hingga mencapai sebanyak 78.7% pada awal tahun 1980. (Malacca Integrated Agricultural Development Socio-Economic Report 1981:13). Trend penggunaan tanah yang tinggi ini memburukkan lagi keadaan dengan penerusan dasar untuk membuka kawasan hutan bagi projek penanaman industri secara estet semakin menghilangkan keluasan hutan daripada 31,715 ekar kepada 16,644 ekar iaitu mencapai kira-kira 48%. Statistik ini membuktikan dasar pembangunan pertanian di Melaka pada ketika itu seolah-olah tidak cakna terhadap keperluan untuk mengimbangkan ekosistem setempat malahan melenyapkan banyak kawasan belukar dan semak-samun sebagai fungsi semula jadi untuk mengekalkan taburan hujan. Atas permasalahan yang timbul tersebut, ramai pesawah tidak mahu menjalankan tanaman ini dan semakin ramai meninggalkan penanaman padi secara perlahan-lahan dengan memberikan alasan bahawa perubahan sistem saliran telah berubah menjadi kelodak dan kering sepanjang tahun.

Salah satu kesan fenomena perubahan cuaca memperlihatkan perubahan dari segi hasil keluaran padi yang diperoleh bagi sesuatu tempoh musim tuaian (Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Negeri Melaka 1984:6). Di Melaka, aktiviti penanaman padi juga dijalankan pada luar musim biarpun tidak banyak kawasan yang terlibat. Bagi kawasan yang mengusahakan penanaman padi luar musim, sering kali kejadian musim panas atau kemarau berlaku dalam tempoh bulan yang tidak menentu. Hal ini terbukti dalam tempoh setahun perubahan cuaca pada setiap suku didapati berbeza mengikut antara daerah. Pada tahun 1984, cuaca panas dalam kawasan Melaka Tengah berlaku pada bulan Januari, sementara itu bulan Mei, Julai, Ogos, Oktober dan Disember mengalami musim hujan. Fenomena cuaca panas dan kering yang berlaku dari awal tahun di Alor Gajah pula tidak bererti tiada langsung hujan yang turun tetapi kadar intensiti hujan amat rendah sebanyak 100 mm. Sementara di Jasin, musim panas didapati berlaku pada bulan Ogos. Kesan perubahan cuaca tidak menentu menyebabkan hasil keluaran padi di Melaka Tengah hanya memperoleh sebanyak 2584 kg sehektar berbanding hasil keluaran musim utama bagi bulan Oktober hingga Februari iaitu sebanyak 3082 sehektar dalam tahun 1984. Di Merlimau dalam daerah Jasin pula, telah mencatatkan sebanyak 2460 kg sehektar berbanding jumlah pengeluaran padi pada musim utama sebanyak 3392 kg sehektar. Begitu juga di Masjid Tanah dalam kawasan Alor Gajah juga mencatatkan trend keluaran yang sama dengan jumlah hasil padi mampu dikeluarkan pada luar musim sebanyak 2677 kg sehektar berbanding 3384 kg sehektar pada musim utama dalam tempoh pada tahun 1984 (Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Negeri Melaka 1984: 10).

Situasi perubahan cuaca tersebut lebih kritikal apabila kegiatan penanaman padi yang diusahakan pada luar musim sekitar bulan Mac hingga September lebih memberikan tekanan kepada tanaman padi. Ini kerana tahap kebergantungan kepada sumber bekalan air di sawah amat tinggi diperlukan bagi tempoh beberapa bulan mendatang. Sepanjang tempoh iklim cuaca yang panas berterusan, punca sumber air daripada sungai tidak boleh terganggu sama ada disebabkan kegiatan pembangunan tanah atau kegiatan pertanian komersial tertentu kerana kedua-dua kegiatan pembangunan tersebut mampu menghalang kelancaran aliran sungai. Oleh sebab itu, sistem pengairan yang efisien sangat diperlukan untuk menjamin bekalan air yang cukup kepada tanaman. Walau bagaimanapun, transformasi pembangunan di Melaka sejak dekad 1960-an lagi menimbulkan kesan terhadap ekologi air akibat aktiviti penerokaan hutan secara besar-besaran sejak rancangan pembangunan tanah mula terlaksana memberi tempias terhadap perubahan taburan hujan dan kadar kedapatan air di sebuah kawasan pertanian. Masalah ini merupakan keluhan yang kerap disuarakan oleh kebanyakan penanam padi di beberapa buah lokasi kampung dalam daerah Alor Gajah. Misalnya, penanam padi di Kampung Pulau Sebang telah menyuarakan keluhan mereka mengenai punca kekurangan air di sawah disebabkan aliran air dari Sungai Tampin telah mengalami kecetakan sehingga terlihat dasar sungai yang menyukarkan kelancaran air. Hal ini mengakibatkan kawasan penanaman padi di kampung tersebut mampu menjalankan penanaman sekali setahun sahaja meskipun kerajaan menyarankan penanaman padi dua kali setahun. Sungguhpun masalah ini cuba diatasi oleh pihak Jabatan Parit dan Tali Air dengan membina kemudahan tali air yang baru pada tahun 1977, keadaan masih lagi tidak mampu tingkatkan kedapatan air akibat saiz keluasan tali air begitu kecil dan dibina pada ketinggian yang agak rendah (Abdul Ghaffar 1980: 28).

## STRATEGI PEMBANGUNAN TANAMAN PADI DI MELAKA

### MEMULIHAKAN TANAH SAWAH TERBIAR

Secara umum, peningkatan kawasan sawah terbiar sehingga 34% mendatangkan kerugian yang besar kepada kemajuan ekonomi negeri. Laporan Pemulihan Tanah-tanah Sawah Terbiar di Semenanjung Malaysia pada tahun 1981 mendedahkan kira-kira 6,584 hektar sawah tidak dimajukan bagi tempoh tiga tahun berturut-turut yang disebabkan dari pelbagai masalah. Angka ini menjadi kerisauan kepada kerajaan Melaka kerana penanaman padi masih merupakan sektor tanaman yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) selain getah dan tanaman lain sekali gus berperanan sebagai penjana sektor pekerjaan bagi penduduk luar bandar. Kerajaan Melaka melihat sektor pertanian tetap berfungsi sebagai enjin pertumbuhan ekonomi di luar bandar. Oleh itu, struktur ekonomi bagi sebahagian pesawah padi tidak boleh terpinggir daripada arus pembangunan semasa negeri ketika itu untuk menghindarkan masalah perpindahan penduduk dari luar bandar ke bandar yang cukup luar biasa dalam tempoh dekad 1970-an (Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga Negeri Melaka 1980:2). Tambahan pula, cabaran pentadbiran kerajaan negeri terhadap kekurangan tanah yang dihadapi menyukarkan perancangan pembangunan yang holistik dilakukan untuk menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri membangun tanpa hanya kebergantungan kepada peranan sektor pertanian sahaja. Isu tersebut telah menyedarkan kerajaan untuk memanfaatkan sumber tanah yang ada secara lebih cekap untuk memaksimalkan pendapatan.

Mengambil kira keadaan yang berlaku antara tahun 1970-an, rancangan pemulihan sawah terbiar di bawah Jabatan Pertanian terus melipat gandakan usaha memperbaiki keadaan yang ada

untuk meninggikan hasil keluaran setiap seekar tanah. Untuk itu, sebuah rancangan induk Jabatan Pertanian telah terbentuk yang dikenali Program Meninggikan Pengeluaran Barang-barang Makanan telah berjaya dilakukan semasa tempoh Rancangan Malaysia Ketiga (Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga 1980: Tujuannya adalah untuk meredakan masalah yang timbul dalam sesebuah kawasan sawah terbiar yang melibatkan keluaran bahan makanan berasaskan beras. Rancangan ini telah membelanjakan sebanyak RM 794,170 juta untuk membimbing para pesawah menambahkan hasil. Rancangan ini telah menjalankan projek-projek tanaman padi dua kali setahun dengan mencapai sasaran penanaman semula padi sebanyak 1,500 ekar. Seramai 1,540 pesawah telah mengambil bahagian dalam program ini dan mendapat bantuan input pertanian seperti benih, racun, baja dan kapor daripada kerajaan secara terus. Sungguhpun begitu, perjalanan operasi rancangan ini masih tidak berkesan untuk mengatasi masalah tanah sawah terbiar kerana kurangnya sambutan daripada pesawah. Keadaan ini menyebabkan keluasan tanah sawah yang terbiar masih tinggi dan risiko kehilangan pendapatan bagi keluaran padi terus melonjak daripada 2.1 juta gantang pada musim tahun 1972/1973 kepada 3.3 juta gantang pada musim 1978/1979.

Oleh sebab itu, pengubalan dasar pertanian negeri pada tahun 1984 yang berpandukan kepada Dasar Pertanian Negara Pertama (1984-1991) masih meneruskan program sedia ada, tetapi penyusunan semula kaedah-kaedah pembangunan tanah terbiar yang lebih berkesan telah dirancang untuk mengurangkan masalah kemiskinan dalam kalangan pesawah sejak sekian lama (Mohd Shazwan 2020:195). Pewujudan Dasar Pertanian Negeri menjadi garis panduan kepada setiap agensi pertanian peringkat persekutuan dan negeri bagi menggembungkan tenaga mengaktifkan semula kawasan sawah terbiar yang dikenal pasti. Pelbagai insentif dan program pembangunan khusus giat dilancar dan terlaksana apabila Kerajaan Negeri memperkasa peranan setiap agensi untuk turun ke lapangan bagi menyahut seruan kerajaan Melaka untuk memajukan kawasan tanah sawah terbiar di seluruh pelusuk negeri. Antara agensi tersebut termasuklah menubuhkan sebuah anak syarikat yang dikenali Syarikat Pembangunan Pertanian Melaka Sdn. Bhd. pada tahun 1983 untuk menumpukan kegiatan pemulihian tanah-tanah sawah terbiar. Penubuhan syarikat ini bertitik tolak daripada hasil resolusi yang tercapai daripada satu Seminar Pembangunan Tanah Sawah Terbiar yang telah diadakan pada 6 Mac 1982 bagi mengesyorkan Kerajaan Melaka bertindak segera mengatasi permasalahan yang berlaku. Syarikat ini merupakan sebuah agensi milikan bersama antara Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dengan Yayasan Islam serta Yayasan Pelajaran Melaka dengan dana permulaan penubuhan sebanyak RM200,000.00. Mekanisma pemulihian sawah terbiar di bawah kelolaan syarikat ini dilaksanakan dengan setiap peserta terlibat hendaklah menyerahkan hak ke atas tanah mereka kepada syarikat sebagai pihak perwakilan yang memiliki kuasa untuk memajukan tanah-tanah pemilik (Suara Melaka 1983:10). Model pembangunan tanah dijalankan adalah secara estet iaitu memfokuskan tanaman-tanaman komersial jangka panjang seperti kelapa sawit dan koko untuk menjana hasil keuntungan. Walaupun begitu, pemilihan tanaman ke atas tanah sawah terbiar bergantung kepada kesesuaian jenis tanah yang dikenal pasti sesuai bagi tanaman jangka panjang. Hasil tuaian tanaman tersebut akan dikembalikan kepada pemilik tanah dalam bentuk pembahagian bersih yang diperoleh syarikat mengikut saiz keluasan tanah peserta. Strategi ini berjaya dibangunkan di beberapa tempat iaitu Kuala Sungai Baru, Lendu, Nyalas, Bukit Senggeh dan Jus.

Pelaksanaan program pemulihian tanah sawah terbiar juga melibatkan peranan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA). Sejarah dengan matlamat penubuhan agensi tersebut membantu kerajaan membangunkan semula tanah sawah terbiar agar kembali subur untuk sebarang aktiviti penanaman semula, FELCRA telah mengusahakan kawasan tanah sawah terbiar seluas 8000 hektar yang merupakan tanah milik penduduk setempat dengan tanaman kelapa sawit

dan koko di Lembah Kesang pada tahun 1986 yang menelan belanja sebanyak RM65 juta dalam kawasan yang bersepadankan beberapa mukim dalam daerah Jasin iaitu Nyalas, Chabau, dan Chin Chin (Suara Melaka 1986:2). Penumpuan kaedah pemulihan adalah juga dengan mengenal pasti tanah-tanah milik kerajaan seluas 4000 hektar untuk digabungkan bersama tanah penduduk. Projek ini melibatkan hampir 40 buah kampung berdekatan dengan tanaman kelapa sawit dan koko yang sangat menguntungkan kepada peserta dan kerajaan. Kejayaan projek ini bukan sahaja memulangkan ganjaran pendapatan yang setimpal kepada peserta malahan penyusunan semula kampung-kampung terlibat tercapai untuk meningkatkan keselesaan hidup dengan kelengkapan infrastruktur asas yang terancang.

Usaha sama turut dilakukan oleh Jabatan Pertanian Melaka dengan menggerakkan jentera pertanian menggiatkan program penyatuhan tanah-tanah kecil yang tidak ekonomik serta berdaya pengeluaran rendah kepada suatu kelompok tanah besar bagi menjimatkan kos operasi melalui pendekatan bersepadu atau In Situ (Dasar Pertanian Melaka 1984: 2). Pendekatan pembangunan pertanian bersepadu adalah menumpukan aspek pemasaran khidmat tenaga kerja yang berintensifkan komoditi menerusi penggantian tanaman lain yang sesuai dengan keadaan tanah sawah. Dengan cara ini, penentuan tanaman jangka pendek dan sederhana yang sesuai dapat memenuhi permintaan bekalan dalam negara dan pasaran eksport yang bersifat sementara. Untuk mencapai tujuan tersebut, mana-mana kawasan tanah sawah terbiar yang terletak berdekatan dengan pusat pemasaran akan dibangunkan dengan tanaman jangka pendek dan sederhana seperti sayur-sayuran dengan penyelarasannya dijalankan oleh Jabatan Pertanian. Jabatan ini turut memastikan kaedah penanaman moden diadaptasi dengan menggalakkan penggunaan bijih benih yang bermutu dan kaedah penjagaan yang spesifik untuk menjimatkan kos pengeluaran. Para pesawah yang terlibat akan mendapat bimbingan daripada pegawai-pegawai pertanian terlatih supaya mereka lebih bersedia memperoleh pengalaman dan pengetahuan menanam dan mengurus perusahaan tanaman mereka sehingga ke peringkat komersial. Kelebihan daripada skim galakan tanaman jangka pendek dapat menjamin kelangsungan sumber pendapatan kepada peserta melebihi daripada luar garis pendapatan kemiskinan (Alwi 1985: 4).

## MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN PENGEMBANGAN PERTANIAN

Pengukuhan perkhidmatan sokongan merupakan antara keutamaan kerajaan Melaka bagi memantapkan pembangunan pertanian bagi semua sektor tanaman. Pengembangan pertanian ialah suatu jenis perkhidmatan awam yang bertujuan untuk menyampaikan pengetahuan dan kemahiran dalam teknologi baru pertanian kepada pesawah bagi membolehkan setiap pesawah menyelesaikan masalah yang rumit mengikut semua aspek kerja dilakukan (Ahmad Mahdzan 1994: 145). Atas tujuan itu, pembabitan kerajaan dalam perkhidmatan sokongan dapat membantu para pesawah untuk mempertingkatkan motivasi bagi mengeluarkan hasil tanaman yang bermutu dalam pemasaran serta menyambut hasrat kerajaan membasmikan kemiskinan hingga ke akar umbi (Junita 2015:372). Oleh sebab inilah, penekanan dalam dasar pertanian Melaka sangat menitik berat kepada langkah-langkah memperkemas khidmat sokongan pertanian untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan kepada golongan sasar agar segala bantuan yang disediakan oleh kerajaan dapat disalurkan dengan efektif.

Antara mekanisma memperkuatkan khidmat sokongan yang menjadi keutamaan agensi pertanian ialah pengembangan dan latihan, penyediaan prasarana dan kemudahan kredit. Pada akhir tahun 1978, kerajaan memperkenalkan skim latihan dan lawatan (Sistem 2L) sebagai satu cara dalam pengembangan pertanian di Malaysia yang mengadaptasi daripada pengalaman negara-

negara membangun (International Monetary Fund. External Relations Dept June 1983: 56-57) Usaha ini dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Pertanian. Di bawah Projek Pengembangan Kebangsaan, sistem ini telah dapat memajukan bidang pertanian negara khasnya tanaman padi kerana perkhidmatan sistem tersebut memfokuskan pembangunan latihan secara formal kepada pegawai pengembangan berdasarkan kandungan topik khusus yang dirancang mengikut jadual. Kaedah ini tertumpu kepada beberapa kelompok pesawah dengan anggaran peserta yang kecil antara 600 sehingga 800 orang. Pembentukan beberapa kelompok kecil pesawah akan mempunyai sebuah Jawatankuasa Projek dan beberapa orang Kontek Tani yang dipilih dalam kalangan peserta untuk menghadiri kursus di bawah anjuran Jabatan Pertanian pada setiap dua minggu (Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat 1988:943). Kebanyakan kursus telah dilaksanakan di Pusat Latihan Pertanian Sungai Udang yang merupakan antara pusat latihan pertanian terkenal di Melaka. Beberapa sub-modul kursus menjadi keutamaan Jabatan Pertanian untuk diajar kepada petani termasuklah kursus bimbingan teknikal, kursus pertanian bersepada dan kursus memandu trektor. Ketiga-tiga modul kursus ini selari dengan visi kerajaan dalam menerapkan amalan pertanian moden menerusi jentera moden dalam membantu melonjakkan hasil produktiviti padi. Kejayaan pelaksanaan Sistem Latihan dan Lawatan secara am sangat berkesan untuk menggalakkan tanaman luar musim dijalankan. Hal ini dapat terlihat hasil purata seekar tanah sawah bertambah sebanyak 67% atau bersamaan 279,000 gantang sejak setahun kaedah ini diperkenalkan buat pertama kali di Masjid Tanah. Impak pengembangan sistem ini masih diteruskan pada tahun-tahun 1980-an hingga 1990-an apabila kegiatan penanaman padi berkelompok diperluaskan mengikut cara yang sama.

Selain itu, pada tahun 1982, perkhidmatan Juruteknik Pertanian telah ditambah daripada 41 kawasan kepada 42 kawasan untuk mempertingkatkan kegiatan bimbingan dan pembangunan kepada petani. Perkhidmatan bimbingan petani turut diperkuuhkan dengan penubuhan perkhidmatan bimbingan di pejabat yang dinamakan sebagai ‘kaunter teknologi’ (Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Melaka, 1986:4). Penubuhan perkhidmatan bimbingan pejabat atau kaunter teknologi membolehkan para petani mendapatkan perkhidmatan segera di kaunter-kaunter pejabat pertanian menerusi juruteknik pertanian yang bertugas. Jabatan Pertanian Melaka juga menubuhkan beberapa kumpulan pengembangan khusus bagi petani wanita di bawah program perkhidmatan pembangunan tani. Penubuhan Kumpulan Pengembangan Wanita Tani (KPW) ini adalah satu inisiatif memberi perkhidmatan dan bimbingan penggunaan teknologi moden secara efektif kepada kaum wanita. Program ini terdiri daripada beberapa sub aktiviti yang menjalankan kegiatan berdasarkan kaedah memproses hasil-hasil pertanian, galakan industri kecil berasaskan pertanian, semaihan pokok-pokok bunga, bimbingan makanan dan pemakanan untuk memperkasa taraf sosioekonomi keluarga tani (Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Melaka 1987:15). Sejajar usaha untuk memperhebat penyampaian maklumat berhubung pertanian kepada golongan pesawah padi di Melaka, Jabatan Pertanian giat melaksanakan perkhidmatan sokongan komunikasi dengan meningkatkan hebahan siaran pertanian secara kerap dan teratur dari semasa ke semasa. Usaha ini diselaraskan dengan kerjasama antara setiap agensi pertanian melalui usaha sama Radio Televisyen Malaysia Melaka (RTM Melaka) (Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Melaka 1986:38). Penyiaran hebahan ini dilaksanakan oleh RTM Melaka pada setiap hari Khamis selama 30 minit dari jam 5:30 petang hingga 6:00 petang. Kandungan penyiaran telah disusun oleh Jabatan Pertanian mengikut bulan berdasarkan kepada tajuk-tajuk berhubung teknik pertanian, teknologi pertanian terkini, isu-isu berkaitan masalah pertanian padi serta pemakluman kursus-kursus yang diadakan.

## KESIMPULAN

Pada keseluruhan, keadaan sosioekonomi pesawah padi di Melaka pada dekad 1970-an sehingga akhir dekad 1980-an semakin bertambah baik. Permasalahan berhubung pembangunan padi yang melibatkan pesawah terus mendapat perhatian daripada kerajaan negeri untuk membebaskan mereka daripada cengkaman kemiskinan. Ini dapat dilihat menerusi rancangan-rancangan pembangunan padi yang terus dipertingkatkan bagi memupuk sikap pesawah untuk kekal menjadikan sektor ini relevan meskipun dalam perkembangan ekonomi global yang tidak menentu terutama semasa kemelesetan ekonomi melanda dunia.

Dalam konteks kemajuan penanaman padi di Melaka, sektor ini tidak bermakna terabai daripada tumpuan kerajaan negeri biarpun Melaka tidak tergolong sebagai zon pengeluaran bekalan beras utama negara. Selagi mana sektor ini berperanan untuk menjana pertumbuhan ekonomi dan membantu menyusun semula struktur sosioekonomi penduduk luar bandar terutama golongan pesawah, ia tetap signifikan kepada penerusan legasi pembangunan yang seimbang antara kawasan bandar dan luar bandar sehingga tamat pelaksanaan dasar ekonomi baru. Pasca Dasar Ekonomi Baru sejak dekad 1990-an menyaksikan keadaan pembangunan di Melaka ketika itu yang mula beralih kepada perindustrian dan pelancongan secara jelas mempengaruhi kemajuan sektor tanaman ini. Langkah mempelbagaikan ekonomi yang diambil pentadbiran kerajaan negeri kepada pemodenan telah membawa perkembangan pembangunan ekonomi yang pesat sehingga terwujud fenomena urbanisasi yang pantas. Perubahan ini membawa perubahan kepada gaya hidup yang berbeza sebelumnya terutama dalam kalangan generasi muda yang berpendidikan untuk menceburi sektor pekerjaan yang lebih stabil. Kesannya, peranan sektor pertanian semakin terpinggir menjelang dekad 1990-an dan sekali gus menyebabkan peranan sektor perindustrian dan pelancongan semakin mendapat tempat dan tumpuan sebagai nadi kemajuan ekonomi Melaka selepasnya.

## PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan penghargaan kepada Jabatan Sejarah serta Fakulti Sastera dan Sains Sosial di atas sokongan terhadap penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada pihak Universiti Malaya serta orang perseorangan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan penyelidikan dan penerbitan artikel ini.

## RUJUKAN

- Ahmad Mahdzan Ayob. (1994). *Pembangunan Pertanian Ekonomi, Dasar dan Bukti Empirik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Alwi Jantan. (1985). Ringkasan Strategi Dan Program Pembangunan Pertanian di Bawah Dasar Pertanian Negara. Melaka. Pejabat Perikanan Negeri Melaka/Negeri Sembilan.
- Anesh Ganason. (2022). Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan) (Akta 793), Masih Diperlukan?. *Jurnal LAND* 5(10): 155.
- Bakri Mat, Zarina Othman & Rashila Ramli. (2013). Isu dan Cabaran Pelaksanaan Dasar Sekuriti Makanan di Malaysia, 1981-2012. *Jurnal Kinabalu* 19(1): 32.

- Haniza Khalid. (2014). Understanding Land Idling As a Strategic Behaviour: A Brief Note Using The Real Options Approach. *Planning Malaysia: Journal of The Malaysia Institute of Planners*. Vol. XIV. 15-28.
- International Monetary Fund. (1983). *The World Bank and The Training and Visit System*. Washington D.C: International Monetary Fund. External Relation Dept.
- Jaiya Abu & Amirah Mohsin. (2022). Tanah Pusaka Terbiar di Malaysia: Faktor dan Cadangan Penyelesaiannya. *Journal LAND* 10(1): 29.
- JKMM. 261/3/36. (1984). Draf Dasar Pertanian Negeri Melaka 1984. Melaka. Jabatan Ketua Menteri.
- Junita Jamil. (2015). Langkah Afirmatif dalam Sektor Pertanian Pada Era Tun Abdul Razak. 1970-1976. *Dasar dan Tadbir Dalam Sejarah*. Ahmad Kamal Ariffin
- Mohd Rus dan Noor Ain Mat Noor (eds.), Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- KPM Khidmat Sdn. Bhd Management Consultants. (1981). *Malacca Integrated Agricultural Development Project Socio-Economic Report*. Melaka: Ministry of Agriculture.
- Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Negeri Melaka (1984). Melaka.
- Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Negeri Melaka (1986). Melaka.
- Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Negeri Melaka (1987). Melaka.
- Minconsult Sdn. Bhd. (1984). *Melaka Masterplan Study Final Report*. Vol.2, Part 3.
- Kuala Lumpur: Prime Minister's Department Economic Planning Unit and Melaka State Economic Planning Unit.
- Minconsult Sdn. Bhd. (1995). *Laporan Pemeriksaan Struktur 1993-2015 Majlis Daerah Jasin*, Kuala Lumpur: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.
- Mohamed Halib. (2004). Peranan Tanaman Padi Dalam Pembangunan Pertanian di Malaysia: Analisis Sejarah dan Kontemporari. *Journal of Southeast Asian Studies* 9(1): 189.
- Mohamed Khairi Termizi dan Mazlan Ismail. (2018). Isu Pembangunan Tanah Rizab Melayu Berpemilikan Bertindih. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 3(1): 92.
- Mohd Hasrol Haffiz Aliasak. (2015). Sejarah Pentadbiran dan Perundungan Terawal Tanah Milikan Adat Melayu di Semenanjung Malaysia: Satu Tinjauan. *Jurnal Akademika*. 2(1): 36.
- Mohd Khairy Kamarudin dan Azwan Abdullah. (2016). Amalan Pembahagian Faraid Di Malaysia. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship* 2(3): 11.
- Mohd Sabree Nasri. (2018). Pengurusan dan Pembangunan Tanah Terbiar: Tinjauan Khusus Pada Awal Pemerintahan Islam dan Undang-undang di Malaysia. *Journal of Law & Governance* 1(1): 122.
- Mohd Shazwan Mokhtar. (2020). Strategi Pembangunan Pertanian dan Perindustrian di Negeri Melaka 1981-1994. *Sejarah: Journal of the Department of History*. 29(2): 195.
- Muhammad Hafizi Rahmat dan Arba'iyah Mohd Noor. (2024). Industri Tanaman Getah di Melaka, 1984-1996. *Sejarah: Journal of the Department of History*. 33 (2): 104-124.
- Muhammad Yasar, Chamhuri Siwar and Raspidah Ghazali. (2016). Analisis Kemudahan terancaman Pesawah Padi di Kawasan Pembangunan Bersepadu Terengganu Utara. Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 50(2): 40.
- Nor Asmat Ismail dan Zulkifli Abdul Rahim. (2019). Analisis Subsidi Sektor Padi dan Kesannya kepada Pendapatan Petani Padi di Kawasan Pengairan Muda. *Jurnal Dunia Pengurusan* 1(1): 2.

- Norazilawati Abd Wahab, et.al. (2022). Penglibatan Wanita Melayu dalam Memperkasa Sosioekonomi dan Kesejahteraan Hidup Menerusi Penanaman Padi di Terengganu pada Awal Abad ke-20. *Akademika* 92(3): 118.
- Norhidayah Md Yunos, et.al. (2022). Kaedah Pelaksanaan Cukai Tanah Terbiar Bagi Merancakkan Pembangunan Tanah Terbiar. *Jurnal Dunia Pengurusan* 4(1): 7.
- Noorfazren Mohd Aris & Asmak Ab Rahman. (2011). Pelaksanaan Dasar Sekuriti Makanan di Malaysia: Kajian Daripada Perspektif Ekonomi Islam. *Jurnal Syariah* 19(1): 52.
- Nor Malina Malek & Mohd Zulkifli Ani. (2024). Faktor Penyebab Peningkatan Tanah Pertanian Terbiar di Negeri Kedah Darul Aman. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 9(1): 2.
- Penyata Rasmi (Hansard) Dewan Rakyat. (1979). *Akta Reformasi Tanah 1979*. Kuala Lumpur: Parlimen Malaysia.
- Penyata Rasmi (Hansard) Dewan Rakyat. (1988). *Sistem Latihan dan Lawatan Kepada Petani*. Kuala Lumpur: Parlimen Malaysia.
- Penyata Rasmi (Hansard) Dewan Rakyat. (1990). *Padi Malaysia-Pengeluaran*. Kuala Lumpur: Parlimen Malaysia.
- Penyata Rasmi (Hansard) Dewan Rakyat. (1991). *Petani Miskin Menyewakan Sawah*. Kuala Lumpur: Parlimen Malaysia.
- R. B. Radin Firdaus, et.al. (2014). Penghidupan Petani dalam Mendepani Cabaran Perubahan Iklim: Peranan Intervensi Kerajaan Menerusi Skim Subsidi Harga Padi (SSH). *Kajian Malaysia* 32(2): 74.
- Rozaini Ahmad & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. (2015). Dominasi Pengilang Cina dalam Pengeluaran Beras di Kedah, 1909-1941. *Sejarah: Journal of Department of History*. 24(2): 15.
- Suara Melaka*. 1983. Syarikat Pembangunan Pertanian Melaka Sdn. Bhd, Januari 1983.
- Suara Melaka*. 1986. Tanah-tanah Terbiar Dimajukan: Ke Arah Meningkatkan Sosioekonomi Penduduk Luar Bandar, Februari 1986.
- Unit Perancang Ekonomi Melaka. (1980). *Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga Negeri Melaka 1976-1980*. Melaka: Unit Perancang Ekonomi Melaka.
- Unit Perancang Ekonomi Melaka. (1980). *Rancangan Malaysia Keempat Negeri Melaka 1981-1985*. Melaka: Unit Perancang Ekonomi Melaka.
- Unit Perancang dan Penyelaras. (1984). *Surat oleh Aziz Mohd Akil, b/p Setiausaha Kerajaan Melaka kepada Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Melaka*. Melaka: Jabatan Ketua Menteri Melaka.
- Veronica Anak Arun. (2023). Peranan Agensi-agensi Pertanian dalam Penanaman Padi di Kedah, 1970-1990. *MUNSYI Jurnal Pengajian Sejarah*. 1(1): 60.
- Zahrul Akmal Damin & Ahmad Martadha Mohamed. (2015). Kemampuan Sekuriti Makanan Dalam Era Perindustrian: Pengajaran Daripada Malaysia. *Journal of Techno-Social* 7(1): 33.

Muhammad Hafizi Rahmat  
Jabatan Sejarah  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia  
Emel: [hafizi.rahmat1991@gmail.com](mailto:hafizi.rahmat1991@gmail.com)

Arba'iyah Mohd Noor (Penulis koresponden)  
Jabatan Sejarah  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia  
Emel: [arbaiyah@um.edu.my](mailto:arbaiyah@um.edu.my)